

Headline	TNB peruntukkan hampir RM15.9 juta bantu 50,000 pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	20
ArticleSize	201 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,784		



TNB peruntukkan hampir RM15.9 juta bantu 50,000 pelajar

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan hampir RM15.9 juta tahun ini bagi meneruskan komitmennya memperkasa komuniti menerusi program tanggungjawab sosial korporat di bidang pendidikan.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, peruntukan itu merangkumi penajaan kemudahan pembelajaran online, kelengkapan asas persekolahan murid dan aktiviti seperti bengkel, tuisyen serta persiapan peperiksaan.

Beliau berkata, sejak 2013 lagi TNB telah menaja dan melaksanakan pelbagai program di peringkat sekolah bagi memupuk generasi masa depan dan meringankan beban keluarga B40 terutama di kawasan luar bandar.

“Bermula dengan Program Sekolah PINTAR yang diinspirasikan Khazanah Nasional, kami telah dapat mengasah pencapaian akademik, bakat dan kecemerlangan menyeluruh lebih 4,088 pelajar di sekolah terpinggir,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Katanya, sebanyak 11 buah sekolah luar bandar di seluruh negara juga ter-

pilih untuk program sama pada tahun ini dengan bantuan RM315,000 untuk aktiviti seperti kem motivasi, kelas tuisyen, seminar dan bengkel peperiksaan.

“Tajaan kami memberi peluang kepada murid-murid ini meningkat keperibadian dan prestasi akademik mereka. Bagi tempoh 2021 hingga 2023, aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kesemua 11 sekolah angkat PINTAR ini akan melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM945,000,” jelasnya.

Selain itu katanya, TNB juga membelanjakan RM32 juta selama lima tahun atau RM6.4 juta setahun bagi program transformasi pendidikan di lapan buah sekolah terpilih di Perak, Terengganu, Selangor dan Kelantan.

Katanya, usaha sama TNB dan Kementerian Pendidikan serta Yayasan Amir di bawah

K h a z a n a h Nasional ini memberi manfaat kepada 6,991 pelajar di sekolah-sekolah pinggir bandar.



TNB menerusi Program Sekolah Amanah pula membelanjakan RM32 juta selama lima tahun atau RM6.4 juta setahun untuk program transformasi pendidikan.”



MAHDZIR KHALID